



**JOURNAL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHEM)**
www.jthem.com



**PERANAN PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN
NEGERI SELANGOR DALAM PEMULIHARAAN DAN
PEMELIHARAAN BANGUNAN WARISAN DI NEGERI
SELANGOR: GEDUNG RAJA ABDULLAH, KLANG**

*THE ROLES OF PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI
SELANGOR IN CONSERVATION AND PRESERVATION OF HERITAGE
BUILDING IN SELANGOR: GEDUNG RAJA ABDULLAH, SELANGOR*

Abdullah Anas Abu Bakar¹, Nadia Widyawati Madzhi², Rohaslinda Ramele Ramli^{3*}

¹ Bahagian Pendidikan dan Monumen, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Malaysia
Email: anas@padat.gov.my

² Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Malaysia
Email: kpe@padat.gov.my

³ Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Email: rohaslinda@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.08.2023

Revised date: 12.09.2023

Accepted date: 30.10.2023

Published date: 05.12.2023

To cite this document:

Abu Bakar, A. A., Madzhi, N. W., & Ramli, R. R. (2023). Peranan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Dalam Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Bangunan Warisan Di Negeri Selangor: Gedung Raja Abdullah, Klang. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 8 (34), 01-18.

Abstrak:

Kajian ini melihat kepada peranan sebuah agensi badan berkanun negeri yang menjalankan fungsi dan kuasanya dalam memulihara (*conservation*) dan memelihara (*preservation*) bangunan warisan di Selangor iaitu Gedung Raja Abdullah, Klang, Selangor, serta cabaran yang dihadapi bagi mengekalkan bangunan ini kekal sebagai sebuah bangunan berstatus warisan. Kaedah penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian serta analisa terhadap dokumen-dokumen utama projek-projek konservasi yang dilaksanakan jabatan terhadap bangunan ini dari tahun 2014 hingga 2019, serta temuduga di lapangan bersama kurator Jabatan Warisan Negara, jurutera, juruukur bahan dan arkitek Bahagian Kepakaran Konservasi dan Konservasi Struktur Jabatan Kerja Raya Malaysia, Pentadbir Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Pegawai Perancang Bandar Majlis Perbandaran Klang, dan Konservator Perunding Global Heritage Sdn. Bhd. Cabaran utama yang dihadapi oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) adalah menyelaraskan semula proses pewartaan sempadan lot tanah bangunan Gedung Raja Abdullah, Klang yang selaras dengan Kanun Tanah Negara 1965

DOI: 10.35631/JTHERM.834001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

dan Akta Warisan Negara 2005 serta menentukan kaedah pemuliharaan (*method statement*) yang tepat dalam mengatasi kerosakan berulang pada bangunan ini. Antara isu yang mungkin menyebabkan PADAT tidak dapat menjalankan fungsinya dengan baik adalah kekurangan peruntukan baik pulih bangunan, kekurangan tenaga pakar, ancaman pembangunan sekitar dan aktiviti penguatkuasaan yang terhad. Tambahan lagi, bangunan yang bakal digunakan semula bagi kunjungan orang ramai memerlukan semakan keselamatan terperinci dalam segenap aspek bagi mengelakkan ia mengalami kegagalan struktur. Secara kesimpulannya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor telah berjaya menjalankan peranan serta fungsi dan kuasa yang termaktub baginya dalam memulihara dan memelihara bangunan Gedung Raja Abdullah, Klang, disamping mengekalkan status warisan bangunan ini dan mampu dinaik taraf berstatus warisan kebangsaan seterusnya melonjakkan pendapatan kerajaan negeri dengan pembukaan semula (*reuse*) bangunan ini sebagai sebuah Muzium Timah dan Sejarah Klang.

Kata Kunci:

Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor, Gedung Raja Abdullah, Pemeliharaan, Pemuliharaan, Pewartaan, Bangunan Warisan

Abstract:

This study looks at the role of a state statutory body agency that carries out its functions and powers in the conservation and preservation of a heritage building in Selangor, namely Gedung Raja Abdullah, Klang, Selangor, as well as the challenges faced in maintaining this building as a heritage building. The research method is based on observation and analysis on the documents of conservation projects carried out from 2014 to 2019 by the department on this building, as well as field interviews with the curator of the National Heritage Department, engineer, surveyor and architect of the Department of Conservation and Structural Conservation of the Department of Public Works Malaysia, Klang District and Land Office Land Administrator, Klang Municipal Council Town Planning Officer, and Global Heritage Consulting Conservator Sdn. Bhd. The main challenge faced by the Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor is to re-align the process of gazetting the land lot boundaries of the Gedung Raja Abdullah, Klang in line with the National Land Code 1965 and the National Heritage Act 2005 and determining the correct conservation method (*method statement*) in overcoming repeated damage to this building. Among the issues that may cause PADAT to not be able to carry out its functions properly are the lack of provision for building repairs, lack of specialist manpower, the threat of surrounding development and limited enforcement activities. In addition, buildings that will be reused for public visits require detailed safety checks in all aspects to prevent structural failure. In conclusion, the Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor has successfully carried out its role as well as the functions and powers stipulated for it in conserving and maintaining the building of Gedung Raja Abdullah, Klang, in addition to maintaining the heritage status of this building and being able to upgrade it to national heritage status, further increasing the income of the state government with reopening (*reuse*) this building as a Klang Tin and History Museum.

Keywords:

Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor, Gedung Raja Abdullah, Preservation, Conservation, Gazette, Heritage Building

Pengenalan

Pewujudan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) diadakan berdasarkan kepada penguatkuasaan Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor pada 16 Mac 2009 dimana PADAT merupakan badan khas yang menjaga hal ehwal adat Melayu dan warisan negeri Selangor. Melalui pemansuhan Enakmen Lembaga Muzium Negeri Selangor, penubuhan PADAT dimeterai melalui Enakmen No.4 Tahun 2009, dan PADAT dengan sepenuhnya telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 5 Mei 2009. PADAT menjadi agensi yang unggul di peringkat negeri Selangor dalam menyelidik, memulihara, mengumpul, mendokumentasi, mempamer, menyebarkan dan menerbitkan segala aspek tradisi ilmu, bahasa dan persuratan, adat-adat Melayu, tamadun Islam, warisan kesenian, permuziuman dan pembangunan negeri. Selain ini, tujuan utama PADAT ditubuhkan adalah untuk mengumpul segala maklumat mengenai adat Melayu dan warisan negeri Selangor, bertanggungjawab dalam menyelamat, memelihara dan mengembangkan adat Melayu dan warisan negeri Selangor, memperkasa adat Melayu dan warisan negeri Selangor, mewujudkan pusat maklumat dan rujukan berkaitan adat dan warisan serantau serta mendekatkan masyarakat umum kepada institusi permuziuman. Strategi bagi mencapai objektif penubuhannya telah dilengkapi dengan visi “Ke Arah Menjadikan Selangor Pusat Unggul Serantau Dalam Memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri” serta misinya “Memperkasakan Adat Melayu dan Warisan Selangor”. Bangunan Gedung Raja Abdullah telah mengalami kerosakan berulang setelah beberapa siri projek konservasi bangunan dijalankan. Masalah ini dirumitkan lagi apabila ketiadaan kawasan sempadan yang jelas terutama nombor lot tanah yang tidak pernah wujud seterusnya telah menjejaskan proses kerja pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan. Bangunan ini juga telah terbiar usang tanpa pengisian setelah sekian lama walaupun telah mendapat status bangunan warisan. Beberapa agensi kerajaan yang berkepentingan seperti Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Kerja Raya Daerah Klang, Pejabat Tanah dan Daerah Klang tidak mempunyai kepakaran khusus dalam menangani kepincangan ini terutama penyediaan skop kerja dalam mematuhi garis panduan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan yang telah ditetapkan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Hal ini dirumitkan lagi apabila tiada kawalan pembangunan serta penguatkuasaan bersepadu apabila terdapat tuntutan hak milik tanah daripada individu, agensi dan kumpulan tertentu yang mengejar keuntungan semata-mata yang boleh menjejaskan integriti bangunan ini kekal berstatus bangunan warisan.

Ulasan Karya

Fungsi dan Bidang Kuasa PADAT dalam Pemeliharaan Bangunan Warisan

Dalam pemeliharaan bangunan warisan di negeri Selangor, fungsi dan bidang kuasa PADAT adalah tertakluk kepada beberapa bahagian yang dinyatakan, seperti yang tertera pada Bahagian 2, Monumen Lama, Seni Bina dan Tapak Tanah Bersejarah, Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009. Pernyataannya adalah seperti berikut:

Perkara 3.

- (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh atas cadangan Perbadanan, dengan perintah mengisytiharkan sesuatu monumen sebagai monumen lama dan sesuatu tapak tanah sebagai tapak tanah bersejarah dan boleh menentukan kawasan monumen atau tapak tanah itu.*
- (2) Pihak berkuasa Negeri boleh menyiarkan dalam warta sesuatu jadual objek bersejarah, monumen dan tapak tanah bersejarah bersama kawasannya dan boleh, menambah kepada atau meminda jadual itu.*

Dalam pada itu, Bahagian 4, Fungsi Perbadanan dalam enakmen ini telah menyatakan :-

Perkara 7.

(b) untuk memelihara monumen dan eksibit berbentuk sejarah, tradisi, kaji purba, seni bina atau kesenian.

(d) untuk mengambil tindakan yang perlu bagi memelihara semua objek sejarah, objek warisan, monumen, rekod dokumen dan eksibit.

(h) untuk menasihati dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa tempatan, badan dan entiti lain di semua peringkat bagi maksud melindungi, menggalakkan dan berurusan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan adat Melayu dan warisan negeri Selangor.

(j) untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan apa-apa perkara berkenaan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor.

(l) untuk melakukan apa-apa dari masa ke semasa fungsi lain di bawah Enakmen ini sebagaimana yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Pihak Berkuasa Negeri.

Pada Bahagian 4, Kuasa Perbadanan dalam enakmen ini telah menyatakan:

8. Perbadanan adalah mempunyai kuasa seperti yang berikut:

(a) untuk membuat kajian ke atas adat Melayu dan warisan Negeri Selangor dan pemeriksaan ke atas objek sejarah, objek warisan, monumen dan ekshibit, menasihati ke atasnya, mengawal dan menjalankan penggubahan, pembaikan, pembaharuan atau apa-apa pembinaan bagi tujuan pemeliharaan yang baik;

(e) untuk mengambil alih monumen dan eksibit dengan persetujuan mana-mana orang dan pada melakukannya boleh membuat kontrak atau perkiraan yang munasabah dengan mana-mana orang dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri

(f) untuk mengatur dan mengawal kemasukan orang awam ke muzium, monumen dan tempat pameran dan mengenakan bayaran bagi kemasukan jika perlu.

Melalui enakmen, PADAT juga telah diberikan hak akses dan kesan akibat kepada pelanggaran hak akses ini bagi menjalankan fungsi dan kuasanya untuk memasuki mana-mana ruang dan lokasi tanah kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam pernyataan berikut:

Hak Akses

41.


(1) Ketua Pegawai Eksekutif dan semua pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah, pada setiap masa yang munasabah, mempunyai akses bebas untuk memasuki semua tanah bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Mana-mana orang yang menghalang, menahan, melengah-lengahkan atau mengganggu, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan daripada menjalankan mana-mana kuasanya atau melaksanakan fungsi atau kewajibannya yang sah di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau tidak memberikan bantuan munasabahnya dikehendaki oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Bagi memenuhi fungsi dan bidang kuasa pemeliharaan bangunan warisan seperti yang termaktub didalam Enakmen PADAT, pelarasan proses kerja pewartaan telah dikemaskini secara carta alir. Ini bagi memastikan setiap tindakan yang akan dilakukan oleh PADAT merujuk pada garis panduan yang telah ditetapkan (Rajah 1). Hal ini amat penting kerana setiap tindakan pewartaan bangunan warisan di negeri Selangor adalah melibatkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 di peringkat persekutuan. Terdapat dua kategori bagi bangunan warisan yang telah diwartakan iaitu kategori warisan (peringkat negeri) dan kategori warisan kebangsaan (peringkat persekutuan). Sebuah bangunan warisan dalam negeri Selangor, yang telah diterima pencalonan untuk diwartakan sebagai bangunan warisan terlebih dahulu akan melalui beberapa peringkat pemeriksaan dan penilaian oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) melalui Pesuruhjaya Warisan. Setelah penilaian ini selesai dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Pesuruhjaya Warisan, pihak JWN akan mengeluarkan satu surat permohonan keizinan kepada pihak berkuasa negeri bagi tujuan pewartaan bangunan yang dicalonkan itu sebagai bangunan warisan.


Pada peringkat ini, pihak PADAT akan bertindak sebagai agensi pelaksana diperingkat negeri dengan berpandukan fungsi dan kuasa dalam enakmen bagi membuat segala semakan bersama pihak berkuasa tempatan yang terlibat bagi mengenalpasti, menasihati serta penelitian bagi proses pewartaan bangunan. Satu draf cadangan kemudian akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Tetap (EXCO) yang berkenaan bagi tujuan semakan sebelum ia dipanjangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor dan seterusnya kelulusan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Negeri akan memaklumkan kepada JWN sekiranya lulus atau tidak lulus keizinan bagi penetapan bangunan warisan berkenaan (Rajah 2).

Proses yang sama juga dilalui bagi tujuan cadangan penetapan bagi bangunan berstatus kebangsaan, bezanya ia perlu mendapat status warisan (peringkat negeri) terlebih dahulu. Pada peringkat ini, kesemua daftar warisan (bangunan) akan dikenal pasti sebelum dikemukakan kepada menteri untuk sesi rundingan bersama Pihak Berkuasa Negeri bagi tanah yang terletak dalam bidang kuasa negeri (Rajah 3 dan Rajah 4).




Rajah 1: Carta Alir Penetapan Bangunan Warisan

Sumber: (PADAT, 2020)




Rajah 2: Carta Alir Pemprosesan Penetapan Sesebuah Bangunan Warisan

Source: (PADAT, 2020)



Rajah 3: Kronologi Carta Alir Pengisytiharan Warisan Kebangsaan

Source: (PADAT, 2020)



Rajah 4: Carta Alir Pemprosesan Sebelum Pengisytiharan Warisan Kebangsaan


Source: (PADAT, 2020)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Gedung Raja Abdullah, Klang

Sejarah dan Latar Belakang

Gedung Raja Abdullah yang terletak di daerah Klang, Selangor merupakan antara bangunan tertua yang masih utuh dan kukuh kekal hingga ke hari ini di bawah pentadbiran PADAT. Ia telah diwartakan dibawah Akta Benda Purba 1976 pada tahun 1983 dan terus kekal sebagai bangunan warisan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bangunan setinggi dua tingkat ini telah mula dibina pada tahun 1857 oleh Raja Abdullah (Orang Besar Daerah Klang) yang merupakan perintis perlombongan bijih timah pada ketika itu. Konsep rekabentuk bangunan ini adalah pengaruh dari senibina *Dutch Colonial* serta campuran dari senibina Bugis terutama pada senibina tiang, pintu, tangga dan tingkap dengan menggunakan bahan binaan seperti batu dan pasir dari Sungai Klang. Kelihatan juga seni pertukangan *Malay Wooden Tanggam* pada binaan bumbung jerami, pintu kayu serta panel pintu bangunan ini (Azinurhamizahtulaini dan Hidayatul, 2020). Tukang kayu dari daerah Lukut telah dibawa oleh Raja Abdullah bagi tujuan membina sebuah bangunan gedung di Klang yang akan dijadikan sebagai tempat kediaman. Ini adalah inspirasi beliau yang mahukan sebuah senibina yang sama seperti bangunan tempat tinggal ayahnya di Lukut. Selain bangunan ini yang digunakan sebagai tempat mengumpul dan menyimpan bijih timah ia juga dijadikan tempat kediaman Raja Abdullah pada tingkat atas bangunan. Ruang di tingkat bawah bangunan pula telah dijadikan tempat penyimpanan hasil bijih timah dan peralatan senjata. Antara peristiwa penting yang pernah berlaku dalam bangunan ini adalah telah berlangsungnya Majlis Mesyuarat Negeri (Dewan Undangan Negeri) yang pertama pada tahun 1877 yang ditubuhkan oleh Sultan Abdul Samad. Gedung Raja Abdullah juga pernah dijadikan kubu pertahanan orang bugis semasa menerima serangan Raja Mahadi yang berkubu di Kota Raja Mahadi semasa perang saudara yang berlaku di Klang pada tahun 1867 hingga 1873 (Rajah 5) sehinggalah pada tahun 1880 bangunan ini dijadikan Ibu Pejabat Polis Daerah Klang setelah pentadbiran British berpindah ke Kuala Lumpur sehingga tahun 1980. Pada tahun 1984, diatas keperihatinan kerajaan Negeri dan Badan Warisan Malaysia, bangunan ini telah dibaik pulih bagi memastikan ianya terus kekal sebagai sebuah bangunan berstatus warisan (Sheppard, 1986).



Rajah 5: Gambaran Kedudukan Gedung Raja Abdullah Semasa Peristiwa Perang Kelang Yang Berlaku Di Antara Raja Abdullah Dan Raja Mahadi Pada Tahun 1867 Hingga 1873

Sumber: (Sheppard, 1986)

Kerja-kerja Konservasi

Beberapa siri baik pulih melalui projek konservasi telah berlaku pada bangunan ini sejak tahun 1984 oleh Badan Warisan Malaysia ketika itu bagi tujuan mewujudkan sebuah muzium mini yang memaparkan sejarah daerah Klang, kemudian pada tahun 1990 kerajaan Negeri Selangor mengambil alih pentadbiran bangunan ini bagi tujuan mewujudkan Muzium Timah oleh Lembaga Muzium Negeri Selangor. Kerja baik pulih bangunan ini berlaku sekali lagi pada tahun 2004 oleh Lembaga Muzium Negeri Selangor dengan penumpuan kepada kerja-kerja baik pulih dinding, lantai, pintu, tangga, siling bumbung, siling konkrit, paip dan rawatan anai-anai. Menariknya pada fasa baik pulih ini, cadangan kerja-kerja eskavasi arkeologi dan saliran bawah tanah telah disenaraikan dalam dokumen kontrak dan ia merupakan pertama kali dilaksanakan (Lembaga Muzium Negeri Selangor, 2004). Pada tahun 2008 kerja-kerja baik pulih terus dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara apabila bangunan ini mengalami kerosakan dinding akibat faktor kelembapan dan ianya terus mengalami kerosakan pada bahagian yang sama, maka PADAT melaksanakan kerja baik pulih pada tahun 2014. Bagi memastikan bangunan ini terus relevan dan kekal sebagai bangunan warisan, PADAT sekali lagi melaksanakan kerja-kerja konservasi pada tahun 2019 secara menyeluruh antaranya adalah rawatan kelembapan dinding, struktur konkrit dan kayu, bumbung, lantai, tandas dan pagar (PADAT, 2019).

Bangunan ini mengalami kerosakan berulang pada bahagian dinding dan lantai menyebabkan pentadbiran PADAT sekali lagi melaksanakan kerja baik pulih pada tahun 2022 dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor bertindak sebagai agensi teknikal yang melaksana kerja baik pulih dengan bantuan Bahagian Kepakaran Konservasi, Cawangan Arkitek JKR Malaysia dan proses kerja baik pulih masih dijalankan sehingga kini. Berdasarkan rekod, peruntukan keseluruhan yang telah dibelanjakan bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih bangunan ini sejak tahun 1984 hingga 2022 adalah sebanyak hampir RM2.7 juta. Pecahan kos siri baik pulih pulih bangunan Gedung Raja Abdullah mengikut tahun adalah seperti dalam Jadual 1. Berdasarkan jadual yang dinyatakan peruntukan terbesar yang dibelanjakan untuk kerja baik pulih ini adalah pada tahun 2019 yang telah dilaksanakan PADAT sebanyak RM899,000.00 manakala peruntukan paling kecil yang pernah diterima adalah pada tahun 1984 sebanyak RM265,061.00 oleh Badan Warisan Negara. Berdasarkan rekod dalam Jadual 1 juga mendapati, bangunan ini mengalami kerosakan berulang pada struktur dinding yang mengalami kelembapan terutama pada aras bawah bangunan serta kerosakan lantai jubin pada aras yang sama.

Jadual 1: Nilai Peruntukan Yang Dibelanjakan Bagi Kerja-Kerja Baik Pulih Bangunan Gedung Raja Abdullah Klang, Selangor Dari Tahun 1984 Hingga 2022


Bil.	Agensi	Tahun	Kontraktor Utama	Nama Projek	Nilai Kos (RM)
1.	Badan Warisan Malaysia	1984	Tiada Rekod	Kerja -kerja Konservasi Bangunan Gedung Raja Abdullah	265 061.00 (RM200 000 sumbangan dari Kerajaan Negeri Selangor)
2.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2004	Weltrade Engineering & Supplies Sdn. Bhd.	Cadangan Pelaksanaan Kerja-kerja Konservasi dan Menaik Taraf Bangunan Muzium Timah,	711 385.00

				di Bandar Klang, Daerah Klang, Selangor. (Kerja baik pulih keseluruhan)	
3.	Jabatan Warisan Negara	2008	Tiada Rekod	Kerja -kerja Konservasi Bangunan Gedung Raja Abdullah	Tiada Rekod
4.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	2014	Wetox System Sdn. Bhd	Cadangan Kerja-kerja Konservasi dan Naik Taraf Gedung Timah, Gedung Raja Abdullah Klang. (Rawatan dinding dan lantai)	496 300.00
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	2019	Juara Johan Jaya Sdn. Bhd	Cadangan Konservasi, Gedung Raja Abdullah Klang. (Kerja baik pulih keseluruhan)	899 000.00
6.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Pelaksana: Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor).	2022	Anggun Kasturi Jaya Enterprise	Kerja-kerja Membaik Pulih Lantai dan Dinding serta Lain-lain kerja Berkaitan Gedung Raja Abdullah, Klang Selangor.	362 722.60
JUMLAH KESELURUHAN					2 734 468.60

Sumber: (PADAT, 2020)

Walaupun tiada rekod lengkap kekerapan kerosakan ini berlaku, bahagian dinding dan lantai bangunan ini sering direkodkan kerja-kerja baik pulih bermula pada tahun 2004 (kerja baik pulih keseluruhan), tahun 2014 (kerja rawatan dinding dan lantai), tahun 2019 (kerja baik pulih keseluruhan) dan tahun 2022 (kerja baik pulih lantai dan dinding). Kelembapan dinding yang kerap berlaku ini adalah disebabkan kehadiran garam tercemar yang tinggi pada hampir keseluruhan aras bawah bangunan. Beberapa sampel bahan pada dinding telah diambil dan diuji kaji, konservator terlibat telah menggunakan kaedah *cocoon treatment process* pada tahun 2014, *penten bituflex 101 treatment process* pada tahun 2019, dan *EP waterproofing treatment process* telah dicadangkan untuk kerja baik pulih dinding pada tahun 2022. Keberkesanan kaedah rawatan kelembapan dinding ini nampaknya hanya mampu bertahan beberapa tahun dan berkemungkinan kesan yang sama akan berlaku untuk proses baik pulih seterusnya oleh pihak JKR Selangor yang sedang berlangsung kini. Lantai Jubin *terracotta* telah dipasang pada bangunan ini pada tahun 2014, ia selari dengan hasrat PADAT bagi membuat kemasan lantai untuk tujuan pengisian pameran, namun ia mengalami retakan dan meleding pada hampir keseluruhan bahagian apabila pemeriksaan untuk kerja baik pulih dilakukan pada tahun 2022. Maka keputusan telah diambil agar Jubin *terracotta* ini ditanggalkan dan lantai dikembalikan

pada keadaan asal iaitu *cement render* dengan kemas menggunakan bahan *Red Iron Oxide* oleh JKR Selangor. Pihak PADAT mengandaikan bahawa lembapan yang tinggi di kawasan dinding bawah bangunan ini berpunca dari faktor keadaan tanah yang lembap yang berkemungkinan mengalami serapan air yang agak tinggi memandangkan kawasan bangunan ini berhampiran dengan sungai. Binaan secara *Strip Foundation* yang merupakan struktur asas tapak bangunan ini juga mungkin menjadi salah satu faktor punca berlakunya lembapan, keretakan dinding dan lantai bangunan (Rajah 6).



Rajah 6: Gambar Yang Menunjukkan Bukaian Struktur Asas Bangunan Gedung Raja Abdullah

Sumber: (Azinurhamizahtulaini dan Hidayatul, 2020)

Rajah 7, Rajah 8 dan Rajah 9 menunjukkan keadaan bangunan sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja konservasi dijalankan oleh PADAT pada tahun 2019.



Rajah 7: Bangunan Gedung Raja Abdullah Sebelum Kerja-Kerja Konservasi Dimulakan oleh PADAT Pada Tahun 2019

Sumber: (Web-1, 2019)



Rajah 8: Gambar Pandangan Dari Udara Keadaan Bangunan Bumbung Gedung Raja Abdullah Semasa Kerja-Kerja Konservasi Oleh PADAT Dilaksanakan Pada Tahun 2019

Sumber: (PADAT, 2019)



Rajah 9: Keadaan Bangunan Gedung Raja Abdullah Berwajah Baru Selepas Selesai Kerja-Kerja Konservasi Dilaksanakan Oleh PADAT Pada Tahun 2019

Sumber: (PADAT, 2020)

Metod

Kajian ini melihat kepada peranan sebuah agensi badan berkanun negeri yang menjalankan fungsi dan kuasanya dalam memulihara (*conservation*) dan memelihara (*preservation*) bangunan warisan di Selangor iaitu Gedung Raja Abdullah, Klang, Selangor, serta cabaran yang dihadapi bagi mengekalkan bangunan ini kekal sebagai sebuah bangunan berstatus warisan. Kaedah penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian serta analisa terhadap dokumen-dokumen utama projek-projek konservasi yang dilaksanakan jabatan terhadap bangunan ini dari tahun 2014 hingga 2019, serta temuduga di lapangan bersama Kurator Jabatan Warisan Negara, jurutera, juruukur bahan dan arkitek Bahagian Kepakaran Konservasi dan Konservasi Struktur Jabatan Kerja Raya Malaysia, Pentadbir Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Pegawai Perancang Bandar Majlis Perbandaran Klang, dan Konservator Perunding Global Heritage Sdn. Bhd.

Dapatan

Cabaran dan Peranan PADAT

Lokasi strategik bangunan Gedung Raja Abdullah di tengah-tengah pusat bandar Klang adalah satu kelebihan kepada pihak PADAT bagi menerima kehadiran pengunjung apabila ia dibuka kelak. Namun disebalik kelebihan ini, terdapat cabaran yang perlu dihadapi bagi memelihara bangunan yang sudah berusia lebih 170 tahun ini terutama faktor pembangunan persekitarannya. Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah merekodkan keluasan bangunan ini iaitu 654 meter persegi namun tiada had persempadanan yang dinyatakan, dan ini merupakan permasalahan yang dihadapi apabila kerja-kerja penyelarasan baik pulih dilakukan. Pewartaan dilakukan pada struktur bangunan dan tidak melibatkan pewartaan pada hak milik tanah yang merujuk kepada Kanun Tanah Negara 1965, pembangunan di persekitaran bangunan bersejarah ini tidak dapat dikawal dan menjejaskan usaha bagi pelan pembangunan bangunan

warisan ini. Situasi ini dapat dilihat kini apabila kewujudan beberapa blok bangunan kediaman kakitangan polis Ibu Pejabat Polis Klang Selatan yang telah dibina tidak kurang 8 meter dari bangunan Gedung Raja Abdullah dan dipisahkan hanya dengan pagar dawai setinggi 6 meter (Rajah 10). Tekanan pembangunan terus dihadapi apabila kewujudan jejantas utama tidak kurang 30 meter dari bahagian hadapan bangunan ini. Pembinaan jejantas yang berketinggian hampir 20 meter ini juga telah menghalang pemandangan sebahagian struktur bangunan Gedung Raja Abdullah yang terletak pada aras tanah (Rajah 11). Atas permasalahan ini, bermula tahun 2021 pihak PADAT telah mula menjalankan usaha pewartaan tanah dengan merujuk kepada pihak Majlis Perbandaran Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Klang dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Cawangan Selangor bagi menyemak semula lot ukur tanah, rekod Pelan Akui yang wujud dan beberapa dokumen penting yang lain bagi proses pewartaan tanah bagi melindungi keseluruhan kawasan bangunan ini dari menerima ancaman pembangunan yang tidak terkawal. Atas tindakan ini satu cadangan penandaan zon utama (*core zone*) yang berkepentingan sejarah akan dilakukan iaitu dengan jarak radius 1 km dari bangunan ini manakala zon penampakan (*buffer zone*) iaitu dengan jarak radius 10 km akan ditentukan melalui khidmat juruukur bertauliah yang akan dilantik. Pelan ukur sempadan yang lengkap ini kemudian akan dibentangkan kepada pihak berkuasa negeri bagi tujuan proses permohonan pewartaan tanah.



Rajah 10: Kedudukan Bangunan Gedung Raja Abdullah Yang Berhampiran Dengan Jejantas Jalan Tengku Kelana, Kuarters Kediaman Kakitangan Polis Ibu Pejabat Polis Kelang Selatan Dan Balai Bomba Kelang Selatan

Sumber: (JKR Malaysia, 2021)



Rajah 11: Pandangan Bangunan Gedung Raja Abdullah Dari Jejantas Jalan Tengku Kelana

Sumber: (JKR Malaysia, 2021)

Agak sukar untuk menyakinkan pihak kerajaan terutama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjalankan kerja-kerja konservasi dan pemeliharaan bangunan warisan. Ini adalah kerana peruntukan dan kos bagi menjalankan kerja-kerja konservasi adalah tinggi dan peruntukan yang disediakan kerajaan adalah terhad. Kerja-kerja konservasi memerlukan pemahaman bagi menjaga keaslian bangunan dan boleh dianggap sebagai sesuatu yang estetik dan proses untuk mengembalikannya adalah perkara etika. Dalam konteks pemuliharaan bangunan warisan, aspek yang paling penting adalah kepatuhan kepada kepentingan nilai-nilai warisan. Sekiranya tiada perancangan awal melihat kepentingan menjaga warisan dengan memberi peruntukan kepada kerja-kerja konservasi, pasti ia tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kebanyakan PBT tiada unit khas dalam memberi ulasan berkaitan garis panduan menjalankan kerja-kerja konservasi bangunan, menyebabkan kelewatan dalam memberikan kelulusan Kebenaran Merancang (KM). Item-item spesifikasi kerja konservasi juga ada yang rumit untuk difahami bagi pegawai yang bukan di dalam bidangnya. Berurusan dengan tenaga pakar pula bukannya mudah, dengan bilangan tenaga pakar dalam bidang konservasi di Malaysia yang sedikit. Mereka ini kebanyakannya adalah tenaga akademik yang berkhidmat di universiti tempatan dan telah membentangkan kertas kerja dan hasil penyelidikan hingga peringkat antarabangsa. Kadang kala kaedah pemuliharaan yang diguna pakai oleh tenaga pakar ini tidak semestinya tepat untuk dilaksanakan pada bangunan warisan di Malaysia. Mereka juga akan memonopoli kerja-kerja konservasi di Malaysia yang mengakibatkan kurangnya peluang diberikan kepada pendatang baru. Masyarakat juga sering memberi salah tanggapan kepada kerja-kerja konservasi bangunan warisan terutama berkaitan garis panduan. Ini sering berlaku kepada pemilik-pemilik bangunan dan tapak warisan. Mereka melihat sesebuah bangunan warisan perlu kelihatan cantik seiring dengan pembangunan kawasan sekitarnya, namun mereka kurang arif etika dalam menentukan aspek pemeliharaan yang perlu dipatuhi. Sebagai contoh, warna cat, jenis kayu, bumbung, bahan struktur pada bangunan perlu

menggunakan bahan asli dan asal seperti yang telah ditetapkan lebih-lebih lagi sekiranya ia telah disenaraikan sebagai bangunan warisan dalam Akta Warisan Kebangsaan.

Gedung Raja Abdullah Sebagai Sebuah Muzium

Bagi memastikan bangunan ini terus kekal relevan serta senibinanya dapat dihayati sebagai monumen bersejarah di daerah Klang, satu perancangan pengisian bangunan ini telah dikemukakan bagi menjadikannya sebagai sebuah Muzium Timah dan Sejarah Daerah Klang. Sasaran ini telah bermula sejak tahun 2018 apabila pengurusan PADAT ingin mengembalikan semula fungsinya sebagai Muzium Timah yang pernah beroperasi semasa pentadbiran Lembaga Muzium Selangor. Namun akibat daripada kondisi bangunan ini yang uzur, kerja-kerja baik pulih perlu diberi perhatian terlebih dahulu terutama faktor keselamatan. Untuk menepati garis panduan bagi menjadikan bangunan ini sebagai sebuah muzium, pihak PADAT dengan kerjasama Bahagian Rehabilitasi dan Konservasi Struktur, JKR Malaysia telah menguji struktur bangunan ini pada tahun 2021. Daripada penilaian dan pengujian yang dilakukan, pihak JKR mengesyorkan hanya 8 hingga 10 orang pengunjung yang dibenarkan berada pada ruang tingkat atas bangunan ini dengan anggaran berat keseluruhan sebanyak 800 kilogram secara berselerak dan tidak berkumpul pada satu tempat secara serentak. Bahan-bahan pameran yang dicadangkan pula adalah dari bahan-bahan yang ringan yang tidak melebihi 1.5kN/m^2 (-153kg/m^2). Perkara ini disyorkan adalah bertujuan untuk mengelakkan nilai pesongan yang berlebihan berlaku dan gelegar akan melendut seterusnya kegagalan struktur boleh berlaku. Manakala maksimum hanya 2 orang sahaja dibenarkan berkumpul pada satu-satu kawasan tertentu kerana terdapat satu jenis kayu (Meranti Merah Tua) pada bahagian gelegar yang mempunyai kekuatan rendah yang tidak memenuhi keperluan rekabentuk. Pihak JKR juga menyarankan agar sebarang bahan pameran yang akan dipamerkan diagihkan secara berselerak dan tidak berkumpul pada satu kawasan yang sama. Semakan pada rekabentuk rasuk kayu dan gelegar pada ruang legar dan koridor bangunan ini juga didapati masih mampu menampung kapasiti beban dengan beban kenaan 4kN/m^2 (-408kg/m^2) (JKR, 2021). Ini membenarkan pengunjung untuk beratur di kawasan koridor terlebih dahulu sambil menunggu giliran masuk ke dalam kawasan ruang pameran. Dengan adanya pengesyoran ini, pihak PADAT telah dapat mengemukakan spesifikasi teknikal cadangan pengisian pameran yang selari dengan kondisi bangunan ini terutama penggunaan material bahan pameran serta pemilihan koleksi yang tidak besar dan berat bagi menjamin keselamatan bangunan.

Kesimpulan

Peranan dan tanggungjawab PADAT dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan kini dilihat semakin mencabar. Dengan status negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju, tekanan pembangunan semakin mendesak dengan peratusan guna tanah negeri ini yang semakin tinggi saban tahun memungkinkan pengekalan status bangunan warisan negeri ini terancam. Kaedah PADAT dalam memelihara dan memulihara bangunan ini adalah dengan menetapkan setiap kerja konservasi yang dijalankan perlu melantik konservator bertauliah di pihak kontraktor dan konservator di pihak kerajaan untuk tindakan *check and balance* terutama penyediaan skop kerja. Tindakan pewartaan tanah perlu dimulai dengan penentuan sempadan zon berkepentingan sejarah (*core zone*) dan disusuli dengan penyediaan pelan ukur yang kemudiannya diangkat ke kerajaan negeri untuk kelulusan. Kolaborasi berterusan diperlukan bersama pihak berkuasa tempatan dalam memantau kepincangan yang bakal berlaku di masa akan datang seterusnya dapat memulihkan reputasi bangunan ini. Antara kaedahnya adalah menganjurkan aktiviti bengkel konservasi di kalangan pegawai kanan kerajaan yang berkaitan bagi memahami bersama aspek kepentingan penjagaan bangunan warisan. Selain itu, adalah

dengan menjalankan *Focus Group Discussion* di kalangan pihak berkepentingan yang melibatkan pakar konservasi di kalangan konservator bertauliah bersama pihak kerajaan negeri. Pendekatan proses pemuliharaan dan pemeliharaan yang sistematik dan terkawal serta pelan pengurusan konservasi yang berkualiti amat diperlukan. Kewujudan dokumen pengurusan pemuliharaan ini penting kerana ia boleh dianggap sebagai “kitab” serta “rekod perubatan” yang dapat dijadikan rujukan bagi sesebuah bangunan warisan kekal terpelihara. Untuk bangunan Gedung Raja Abdullah, Klang, penyesuaigunaan semula (*adaptive reuse*) kepada sesuatu fungsi yang baru iaitu sebagai sebuah muzium adalah satu tindakan yang wajar kerana selain dapat mengekalkan bentuk dan ciri-cirinya yang asal, ia dapat dijadikan *focal point* bidang pendidikan senibina tua kepada masyarakat, penyelidik dan para pelajar yang secara tidak langsung merangsang aktiviti ekonomi setempat melalui pelancongan warisan dan menjadikan negeri Selangor sebagai sebuah negeri tumpuan.

Penghargaan

Pihak penulis ingin menyampaikan penghargaan kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dari segi kewangan dan dokumen-dokumen berkaitan.

Rujukan

- Akta 645, *Akta Warisan Kebangsaan 2005* (2006). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Akta 56/1965, *Kanun Tanah Negara 1965* (1965). Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Akta Bendapurba 1976 (1976). *Jadual Monumen Lama dan Tapaktanah Bersejarah*. *Warta Kerajaan* 27(8).
- Azinurhamizahtulaini, M. A. & Hidayatul, H. M. S. (2020). *Gedung Raja Abdullah, Klang, Selangor Darul Ehsan: Reminiscing the Chronicles of Malay Supremacy*. Jabatan Kejuruteraan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Kulliyah Kejuruteraan dan Rekaan Persekitaran.
- Badan Warisan Malaysia (2003). *A Monument to an Epic of Local History: Gedung Raja Abdullah*.
- Jabatan Warisan Negara (2017). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- JKR (2022). KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEMASA LANTAI DAN DINDING SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN GEDUNG RAJA ABDULLAH, DAERAH KLANG - *Cadangan Pemilihan Konservator Kontraktor*. Ruj: JKR./KLG.SH/60/2022(N) (17). 27 Oktober 2022.
- JKR (2022). KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEMASA LANTAI DAN DINDING SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN GEDUNG RAJA ABDULLAH, DAERAH KLANG - *Permohonan Kelulusan Pertukaran Bahan*. Ruj:JKR./KLG.SH/60/2022(N) (23). 10 November 2022.
- JKR (2021). *Laporan Lawatan Tapak Penilaian, Pandangan dan Syor dari Pihak JKR Berkaitan Ujian Beban dan Pemeriksaan Kerosakan di Bangunan Gedung Raja Abdullah Klang*. Bahagian Rehabilitasi dan Konservasi Struktur, Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur.
- JKR (2021). *Tinjauan Awal Kerosakan Kemas Lantai Dan Dinding di Bangunan Gedung Raja Abdullah, Klang, Selangor. Ulasan Skop Konservasi Hasil Lawatan Tapak Pada 30 September 2021*.

- Lembaga Muzium Selangor (1987). “Kertas Kerja Kedua belas: Cadangan Mengambil Alih Pengurusan dan Pentadbiran Gedung Raja Abdullah, Klang” dalam Lembaga Muzium Selangor. Kertas Kerja Kedua, Keempat, Kesepuluh, Kedua Belas, Kelapan Belas. Lembaga Muzium Selangor, Shah Alam, Selangor D.E., 29 Oktober.
- Lembaga Muzium Negeri Selangor (2004). *Dokumen Kontrak Kerja-karya Konservasi dan Menaiktaraf Bangunan Gedung Raja Abdullah* Shah Alam.
- PADAT (2019). *Dokumen Tender Kerja-karya Konservasi Gedung Raja Abdullah*. Shah Alam: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.
- PADAT (2019). *Laporan Akhir Kerja-karya Konservasi Gedung Raja Abdullah*. Shah Alam.
- PADAT (2014). *Laporan Progres Kerja Cadangan Kerja-karya Konservasi dan Naik Taraf Gedung Timah Klang*. Shah Alam.
- Sheppard, M. (1986). *Klang: Twenty Centuries of Eventful Existence*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M).
- Undang-Undang Negeri Selangor (2009), *Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 (Enakmen No. 4/2009)* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.